

GRIT: Bakat Vs Usaha - Bagaimana Untuk Berjaya Dalam Hidup Menurut Kajian Psikologi

Syed Ahmad Fathi
fathi137@gmail.com

Abstrak: Tulisan ini merupakan dapatan saya dari pembacaan buku bertajuk GRIT tulisan Angela Duckworth yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Buku ini berkisar tentang soalan kejayaan manusia dalam hidup. Apa yang menyebabkan manusia berjaya? Apakah ciri utama yang diperlukan oleh manusia untuk berjaya? Adakah bakat semula jadi atau usaha keras tanpa putus asa? Dalam banyak ciri-ciri ini pula, yang manakah yang paling dominan dan perlu diberikan perhatian? Inilah persoalan-persoalan yang cuba dijawab oleh Angela dalam buku ini. Beliau menggunakan pendekatan kajian psikologi bagi menjawab persoalan-persoalan ini.

Kata kunci: GRIT, Angela Duckworth, Kejayaan Hidup, Psikologi, Usaha, Bakat, Pendirian

Pendahuluan: Thesis Utama

Dalam prakatanya, Angela mengetengahkan thesis utama buku beliau iaitu kejayaan yang dicapai oleh manusia dalam hidup lebih banyak ditentukan oleh kemahuan yang kuat disertai dengan sifat tidak putus asa dan kerja keras, ini adalah ciri utama yang menyebabkan manusia berjaya, dan ciri ini lebih penting dari pergantungan hanya kepada bakat semulajadi. (vii) Ini adalah thesis utama buku ini dan Angela kemudian menerangkan hasil kajian dan penelitian beliau. Beliau juga memulakan buku beliau dengan pengalaman peribadi beliau sendiri, kisah peribadi dalam jalan hidupnya yang membawanya ke puncak. Melihat semula hidupnya beliau berkata:

"Saya mungkin bukan orang yang paling bijak. Tetapi saya akan berusaha menjadi orang yang paling cekal". (viii)

Pada bab yang pertama, Angela membawakan penelitian beliau dalam latihan ketenteraan Amerika di West Point. Melihat calon-calon yang berjaya, beliau mendapati orang yang berjaya mempunyai rasa tidak selesa dengan sifat selesa itu sendiri. Sebaliknya mereka sentiasa tidak berpuas hati dengan pencapaian diri. Mereka sentiasa berusaha untuk melakukan lebih, untuk meneroka dan memperbaiki diri. Perasaan ini membawa mereka ke tingkat kejayaan yang semakin tinggi setiap masa. Ini sebenarnya sesuai dengan kata pujangga yang kita ada hari ini bahawa *"esok mestilah lebih baik dari hari ini, dan hari ini mestilah lebih baik dari semalam"*. (9)

Definisi Grit

Grit dalam naskah ini diterjemahkan sebagai orang yang mempunyai pendirian yang teguh. Grit dalam bahasa Melayu boleh diterjemahkan sebagai pendirian atau

ketetapan. Beliau mendapati bahawa markah skor ujian akademik (yang menggambarkan potensi seseorang) tidak mempunyai banyak perkaitan dengan kekuatan pendirian seseorang. Misalnya, orang yang punya skor yang rendah, boleh berjaya jika mereka memiliki pendirian untuk berjaya yang kuat. Beliau menyimpulkan bahawa potensi adalah satu perkara, apa yang kita mahu lakukan dengan potensi tersebut adalah perkara yang lain. (18) Penelitian yang sama dilakukan olehnya kepada pelajar-pelajar sekolahnya, murid-murid yang pada awalnya sukar untuk memahami konsep akan mendapat markah yang lebih baik berbanding pelajar yang mudah memahami konsep, murid-murid yang ketinggalan ini menggantikan kekurangan mereka dengan usaha keras seperti mencatat nota dan bertanyakan soalan. (21)

Sikap Manusia Terhadap Bakat

Ahli psikologi telah lama cuba ingin menjawab soalan mengapa ada manusia yang berjaya dan ada yang gagal? Antara ahli psikologi yang mengkaji persoalan ini adalah Francis Galton. Dalam kajiannya, Galton mendapati insan-insan hebat ini mempunyai ciri-ciri yang membuatkan mereka hebat. (27) Mereka hebat dengan 3 cara:

1. Keupayaan yang mengkagumkan
2. Semangat yang tinggi
3. Kemampuan untuk berusaha keras

Perhatikan dalam 3 perkara yang disenaraikan Galton ini, bakat tidak termasuk di dalamnya.

Kita sememangnya mempunyai bias terhadap bakat. Apabila melihat sahaja orang yang berjaya, otak kita terus mengasosiasikan kejayaan tersebut dengan bakat. Bias ini menurut Duckworth mempunyai kelemahan yang serius. Apabila kita obses dengan bakat, sifat-sifat lain yang sangat penting dalam melahirkan kejayaan terselindung disebalik bayang-bayang dan dianggap tidak penting. (41) Fokus kita terhadap bakat menganggu kita terhadap fokus yang sepatutnya kita beri keutamaan, iaitu usaha. (45)

Dualiti Usaha Dalam Membuahkan Kejayaan

Selain dari bias kita terhadap bakat, kita juga mempunyai bias terhadap sifat genius. Apabila kita melihat orang-oranya yang hebat dan telah berjaya, minda kita cepat menggolongkan mereka dalam golongan orang yang genius. Ini merupakan bias yang dilakukan minda kita tanpa kita sedar. (47) Apabila kita melabelkan orang yang berjaya sebagai genius, kita telah menutup mata kepada perahan keringat yang mereka lakukan untuk berjaya. Kita hanya melihat kepada hasilnya, tidak pada usaha-usaha yang dilakukannya untuk mendapatkan hasil tersebut.

Hakikatnya, sebuah kejayaan yang kita nampak sebagai besar dan cemerlang itu merupakan kumpulan ribuan usaha-usaha, kemahiran dan juga tindakan-tindakan kecil yang dilakukan dalam tempoh masa yang lama. Setiap usaha-usaha kecil itu dipupuk, diasah kemahirannya sehingga menjadi satu kebiasaan. Ia bukan satu perkara yang hebat atau luar biasa, tetapi usaha-usaha kecil yang dikumpulkan dan dilakukan dengan konsisten sehinggalah lahirnya kecemerlangan. (47) Apabila kita tidak dapat melihat usaha-usaha keras ini dalam membina pengalaman serta kejayaan, kita mempunyai tendensi untuk melabelkan mereka sebagai berbakat secara semula jadi. Jika kejayaan tersebut hanya mampu kita lihat beberapa kali sahaja dalam hidup, kita merasa lebih teruja, lebih magik ia kelihatan, contohnya persembahan atlet-atlet Olimpik yang dapat kita lihat 4 tahun sekali. Kita melihat kehebatan mereka di Olimpik, namun tidak melihat latihan mereka selama 4 tahun tersebut. (49)

Angela membawa pemikiran ahli falsafah German, Friedrich Wilhelm Nietzsche yang menyatakan bagaimana kita tidak bertanya bagaimana kesempurnaan itu terhasil, sebaliknya kita meraikan kesempurnaan itu seolah-olah ia hasil dengan ajaib tanpa ada usaha. (51) Dalam menghasilkan sebuah kejayaan sebenarnya usaha memainkan peranan yang besar dan mungkin juga paling besar. Menurut Angela usaha diperlukan dua kali, pertama kita perlu berusaha melatih bakat menjadi sebuah kemahiran. Kedua, kita perlu berusaha menggunakan kemahiran itu untuk mencapai pencapaian. (57) Dalam kata lain, kita harus berusaha sampai kita mahir, kemudian guna kemahiran itu untuk sesuatu yang produktif.

Untuk berjaya, apa yang penting bukan kita berusaha keras sahaja, tetapi usaha yang konsisten. Kita mungkin boleh berlatih dengan kuat melebihi latihan atlet Olimpik, namun jika latihan itu dilakukan hanya selama satu hari, ia tidak akan menghasilkan apa-apa kesan. Dalam kata lain, kita juga tidak boleh berputus asa dalam berusaha. (65)

Mengukur Kekuatan Pendirian Seseorang Untuk Berjaya

Seperti yang dibincangkan tadi, konsistensi dalam usaha merupakan perkara yang lebih penting dari kekuatan usaha. Dalam erti kata lain, pendirian untuk berjaya lebih memerlukan stamina berbanding intensiti. (67) Untuk berjaya dalam satu bidang, kita mesti meminatinya dan kekal bersama minat itu untuk satu tempoh masa yang panjang. Kita perlu jatuh cinta dengan apa yang kita usahakan dan terus kekal mencintainya. (68-69)

Apabila kita menetapkan satu cita-cita, kita tidak boleh sekadar berhenti di situ sahaja. Jika tidak ia hanya akan menjadi sebuah khayalan. Tetapi kita perlu merancang bagaimana untuk merealisasikan apa yang kita cita-citakan dan menilai halangan-halangan yang akan kita tempuhi. (83) Kita juga perlu merancang matlamat-matlamat dekat yang akan membawa kita kepada matlamat utama kita. Kita mempunyai masa dan tenaga yang terhad, oleh itu usaha kita perlulah difokuskan terhadap matlamat-matlamat kecil yang boleh menyampaikan kita kepada matlamat utama. (86) Kita juga harus mengorbankan perkara-perkara yang kita mahu lakukan tetapi tidak membantu kita dalam mencapai matlamat utama kita.

Meningkatkan Pendirian

Adakah bakat dipengaruhi oleh genetik? Jika bakat dipengaruhi oleh genetik, mungkin kita merasakan bahawa tiada apa yang mampu kita buat jika kita dilahirkan tidak berbakat. Menurut Angela, ya bakat dipengaruhi oleh genetik, namun bukan dipengaruhi secara total. Ia juga dipengaruhi oleh usaha dan pengalaman. (103) Antara contoh yang dibincangkan adalah ketinggian manusia. Ia mungkin dipengaruhi oleh genetik, tetapi ia juga dipengaruhi oleh usaha luar yang lain seperti diet permakanan ketika anak-anak membesar.

Faktor-faktor luar selain genetik ini juga boleh mempertingkatkan prestasi dan pencapaian. Contohnya dalam sukan, prestasi sukan juga dapat meningkat dengan bantuan teknologi, salah satunya adalah dengan bantuan televisyen. Televisyen membawa sukan ke rumah-rumah, skil-skil permainan boleh dilihat dengan dekat dan berulang-ulang. Apabila anak-anak melihatnya mereka akan cuba menirunya sejak dari kecil. Ini akan meningkatkan kualiti sukan secara mendadak dari satu generasi ke generasi yang lain. (108)

Melalui kajian Angela juga, beliau mendapati bahawa orang yang lebih tua memiliki pendirian yang lebih kuat berbanding generasi muda. Adakah ini merupakan perbezaan generasi atau merupakan kesan kematangan seseorang? Angela cenderung dengan idea bahawa perkembangan dan

peningkatan pendirian adalah kejayaan seseorang menemukan falsafah hidup. Apa yang hendak dilakukan dalam hidup ini? Bagi beliau ini adalah titik di mana seseorang akan mula menetapkan pendirian mereka. (110-111)

Kita akan matang dengan pengalaman hidup. Antaranya adalah fenomena suka bertukar kerja, kita akan dapati bahawa kita tidak merasa puas apabila selalu bertukar kerja kerana kita tidak dapat menjadi pakar dalam sesuatu bidang. Apabila kita bertukar kerja, kita berubah dari berpengalaman kepada kembali *novice*. Kita mungkin seronok belajar perkara baharu, tetapi bagi Angela menjadi pakar dalam sesuatu bidang lebih memuaskan hati. Untuk menjadi pakar dalam satu bidang kita perlu setia dan konsisten dalam bidang tersebut dalam satu tempoh yang lama. (113)

Ketetapan pendirian (Grit) bukanlah sesuatu yang statik, ia boleh dilatih dan dipupuk untuk ditingkatkan. (116) Kajian Angela mendapati bahawa individu-individu yang berjaya yang mempunyai Grit yang tinggi mempunyai empat aset psikologi yang sama iaitu minat, latihan, tujuan, dan harapan. (117-119)

Pengaruh Minat Dalam Mencapai Kejayaan

Minat merupakan aset pertama menurut Angela yang mempengaruhi Grit seseorang. Menjumpai minat bukanlah sesuatu yang boleh kita lakukan dengan mudah dalam sekelip mata. Sebaliknya orang-orang yang berjaya menerokai pelbagai jenis minat, mencuba satu persatu, hinggalah mereka menjumpai sesuatu yang betul-betul mereka minati dan konsisten bersamanya hingga berjaya. (128) Oleh itu, kita juga perlu meneroka pelbagai perkara untuk mencari minat kita sebelum memilih satu yang akan kita pegang dalam hidup kita.

Terdapat banyak mitos yang salah perihal minat. Dalam karier misalnya, ada yang mengatakan kita akan kenal dan jatuh cinta pada sebuah kerja secara tiba-tiba dan pantas. Namun hakikatnya untuk mencintai sesebuah kerja kita perlu melaluinya dengan lama, memahaminya, belajar selok beloknya, dan lama kelamaan minat muncul akan kemahiran tersebut. Kita menghargai karier tersebut setelah memahami kehalusan, fungsi dan keseniannya. (132) Minat juga tidak semestinya merupakan cetusan dalaman semata-mata, ia juga boleh tercetus hasil dari interaksi kita dengan dunia luar. (134)

Perkembangan minat ini boleh mengambil masa bertahun-tahun untuk dibangunkan. Pada tahun-tahun awal dalam perkembangan minat ini kita memerlukan sokongan luar, dari keluarga, kawan, jurulatih, guru, yang memberi kita galakan untuk terus meneroka minat kita. Proses perkembangan minat ini memerlukan masa, usaha, tenaga, disiplin dan pengorbanan. (138)

Pengaruh Latihan Dalam Grit

Untuk berjaya dalam sesuatu bidang, selepas mempunyai minat terhadap sesuatu perkara. Kita memerlukan latihan yang berterusan dalam mengembangkan minat tersebut dan membentuknya menjadi satu kemahiran. Latihan yang dibuat tidak boleh dibuat secara bersahaja mengikut kehendak kita. Sebaliknya latihan yang membawa kepada kejayaan adalah latihan yang tersusun dan mempunyai objektif. (155)

Saya pertama kali mengenali Angela adalah melalui TED Talk beliau. Dalam memperbahaskan perihal latihan ini, beliau ada membincangkan TED Talk tersebut. Ucapan beliau yang kelihatan yakin dan mengkagumkan itu sebenarnya bukanlah satu ucapan spontan. Ia sebenarnya menjalani latihan yang banyak, bersama ahli keluarga, juga sesi *rehearsal* bersama panel TED sendiri.

Apa yang kita lihat di Youtube adalah hasil latihan tersebut. (169)

Latihan yang dijalankan perlu menjadi sebuah rutin yang berjadual. Contohnya kita menetapkan tempat dan masa latihan kita. Ini penting agar latihan tersebut menjadi automatik dan kita tidak perlu berfikir tentang banyak perkara dan hanya fokus pada latihan. Jika sebagai contoh, kita sering memikirkan perihal lokasi, kita mungkin akan mengorbankan banyak masa dan fokus kita. Namun jika ia sudah tetap dan rutin, maka fokus kita akan automatik tertumpu pada latihan kita. (177)

Mempunyai Tujuan: Membentuk Konsistensi Dalam Pendirian

Selepas minat dan latihan, apa yang menyebabkan seseorang itu terus setia mengerah tenaga melakukan sesuatu perkara adalah tujuan. Apa yang dilakukan itu mesti mempunyai tujuan yang lebih besar dari dirinya sendiri. Dalam erti kata lain, apa yang dilakukan mestilah bermanfaat untuk orang lain. Dalam erti kata lain, bermula dari minat peribadi, diasah dengan latihan tersusun, kemudian kemahiran itu digunakan dengan tujuan membantu orang lain. Ini adalah menurut Angela sebagai komponen penting yang membentuk pendirian. (181) Apabila kita mempunyai tujuan untuk orang lain, kita merasakan apa yang kita usahakan itu sebagai perkara yang besar, dan berbaloi dilaburkan usaha dan pengorbanan untuk mengatasi semua cabaran, halangan dan kekecewaan. (182)

Mempunyai tujuan yang betul ini akan menyebabkan pekerjaan yang sama dirasakan dengan berbeza. Sebagai contoh pekerjaan guru. Jika kita tanya guru apakah erti menjadi guru, mungkin ada yang mengatakan kerja guru adalah mengajar. Ini adalah tujuan sekadar untuk memenuhi keperluan diri dan punya pekerjaan. Kedua, mungkin ada yang menganggapnya sebagai karier, tujuannya adalah kepuasan diri dan status sosial. Ketiga, mungkin ada yang menjawab menjadi guru bererti membentuk generasi baru manusia agar mereka dapat memakmurkan bumi. Jadi jawapan ketiga ini adalah tujuan besar yang mengambil kira manfaat orang lain. Walaupun tugas semuanya adalah sama, tujuan akan menjadikan pengalaman itu berbeza, serta melahirkan bentuk usaha yang bereza. (193)

Harapan Menguatkan Pendirian

Selepas minat, latihan, dan tujuan, apa yang menyebabkan kita terus cekal dan tekal adalah harapan. Mempunyai harapan bererti usaha kita mampu mengubah masa depan. Namun ia tidak mempunyai hubungan dengan nasib, kerana nasib tidak mampu kita kawal, jika nasib tidak menyebelahi kita, kita mampu mengawal usaha kita, dan kita mesti berani untuk bangkit semula. (215) Dengan harapan, kita sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan kita, dengan usaha ini kita berpeluang untuk menemui kejayaan, sebaliknya jika kita merasakan kita tiada harapan, kita tidak akan berusaha, dan sudah tentu kita tidak akan berjaya. (227)

Orang yang tidak mempunyai harapan adalah orang yang berfikiran statik, mereka merasakan tidak ada aapa yang dapat dibuat bagi mengubah keadaan. Sebaliknya orang yang berjaya adalah orang yang berfikiran berkembang, mereka percaya dengan usaha kita mampu meningkatkan kebijaksanaan dan potensi diri. (230) Dalam hal ini, kita dapat melihat pemikiran seseorang berdasarkan bahasa yang digunakan, menghadapi kegagalan misalnya, pemikiran statik akan mengatakan *"tak mengapa sekurang-kurangnya kita sudah cuba"*, orang yang berfikiran berkembang pula akan mengatakan *"apa yang kita boleh pelajari dari kegagalan ini, bagaimana kita boleh mencuba cara lain untuk berjaya"*. (233) Orang yang berjaya bukan sahaja tahu bagaimana untuk berjaya, mereka juga tahu

bagaimana untuk gagal. Maksudnya mereka tahu apa yang perlu dilakukan selepas gagal, iaitu bangkit dan berusaha lagi. (244)

Orang yang berjaya juga tahu untuk meminta bantuan. Walaupun kita mempunyai semuanya termasuk harapan, tetapi ada masalah-masalah yang memerlukan kita untuk meminta bantuan. Tidak ada orang yang berjaya bersendirian, di sebalik kejayaan mereka pasti ada insan-insan lain yang sentiasa menyokong dan membantu mereka. (250)

Membina Grit: Pengaruh Luar Yang Membantu Pembentukan Pendirian

Seperti yang telah dibincangkan, pendirian atau apa yang disebut sebagai Grit merupakan sesuatu yang boleh dipertingkatkan, oleh itu sebenarnya ia adalah kualiti yang boleh dilatih dan dipupuk. Kita telah membincangkan perkara-perkara dalaman seperti minat, latihan, tujuan dan harapan. Faktor luaran juga sebenarnya mampu membantu kita membentuk Grit. Dengan bantuan orang luar, ia boleh disokong dan dikembangkan dengan kasih sayang. (257)

Orang pertama yang dapat membantu kita membina pendirian adalah ibu dan bapa. Angela membahaskan setiap ibu bapa mempunyai *style* mereka sendiri dalam membesarkan anak-anak. Ada yang bersifat mengongkong dan diktatorial, ada juga yang bersifat lebih terbuka dan permisif. Namun menurut beliau, kita boleh menggunakan *style* yang kita rasakan sesuai. Namun apa yang penting adalah ia dilakukan dalam bentuk yang menyokong, kita boleh menyokong dengan tegas atau lembut. tetapi pastikan anak-anak memahami bahawa kita sedang menyokong mereka untuk berjaya. (262) Malah menurut Angela, kita mempunyai lebih pilihan dari sekadar memilih *style* yang diktatorial atau permisif, ia bukan binari, kita boleh memilih untuk menggunakan kedua-duanya. Sekali lagi, dengan syarat ia digunakan dalam bentuk yang menyokong. (272)

Mengapa anak-anak perlu memahami bahawa kita sedang menyokong mereka? Kerana menurut Angela, mesej yang diterima oleh anak-anak itu lebih penting dari mesej yang disampaikan oleh ibubapa. Dalam kata lain, apa yang difahami oleh anak-anak itulah yang utama, manakala cara penyampaian mesej itu tidaklah begitu penting, ia tidak *rigid*, dan boleh disesuaikan mengikut keadaan. Apa yang penting adalah pengalaman anak-anak itu, yang akan membentuk dirinya menjadi orang yang mempunyai Grit dalam kehidupan. (275)

Ekosistem Luar Selain Ibu Bapa

Ada satu peribahasa Afrika perihal membesarkan anak-anak berbunyi *"It takes a village to raise a child"*. Sebenarnya bukan ibu bapa sahaja yang mencorak watak pendirian anak-anak. Hal ini kerana ada orang yang tidak mempunyai ibu bapa juga boleh berjaya. Oleh itu, pembentukan pendirian atau Grit turut disumbang oleh orang dewasa lain seperti guru, jurulatih, dan masyarakat sekeliling. Kita secara kolektifnya bertanggungjawab membentuk generasi akan datang. (280) Ini merupakan ekosistem dimana seorang anak itu membesar, termasuklah rakan-rakan. Ekosistem ini menunjukkan pada anak apa yang mungkin dicapai dan bagaimana untuk mencapai kemungkinan tersebut. (287)

Salah satu cara untuk membina karakter pendirian dalam diri anak-anak adalah melibatkan mereka dalam aktiviti ko-kurikulum di luar sekolah seperti kelas musik, kelab sukan, kelab catur, kelas kemahiran, yang memerlukan mereka berlatih secara tersusun dengan panduan instruktor atau jurulatih. Ini akan melatih mereka untuk fokus dan memberi komitmen dalam jangka masa panjang. (290,293)

Setiap dari kita sebenarnya lahir dengan potensi, yang membezakan kita adalah usaha keras dan pendirian yang tetap, bagi yang sanggup melabur tenaga dalam membangun potensi, serta cekal konsisten akan beroleh kejayaan. (307) Dengan latihan kita dapat belajar untuk lebih tekun membangun potensi. (312)

Adakah Mempunyai Grit Bermakna Kita Tidak Boleh Berhenti

Seperti yang kita bahaskan dalam soal minat. Ia perlu diteroka, kita boleh beralih kepada perkara lain jika sesuatu itu tidak sesuai bagi kita. Adakah ini kontradiksi? Bukankah kita harus berusaha tanpa putus asa? Menurut Angela, semasa mencari kita memang boleh berhenti. Tetapi kita mestilah berhenti di titik semulajadi, bukan ditengah jalan. Bukan kita berhenti apabila dimarahi atau menghadapi cabaran. Sebagai contoh, kita mencuba berlatih bermain musik, kita tidak berhenti selagi kita masih membayar duit tuisyen pengajian, atau selepas kita selesai dalam satu pertandingan. Kita berhenti pada titik semulajadi dan fokus terhadap perkara lain yang menarik minat kita. (314)

Grit Sebagai Budaya

Menurut Angela, budaya bukanlah bermaksud kebiasaan yang dipisahkan dengan batas geografi atau politik. Sebaliknya sebuah norma yang dikongsi oleh sekumpulan individu atau masyarakat. (319) Sesuatu budaya mempunyai pengaruh yang besar pada individu. Sebagai contoh, kita masuk ke asrama di mana semua orang bangun awal untuk pergi ke kelas, kita akan dengan senang bangun bersama untuk tidak merasa ketinggalan. Sebaliknya jika kita di rumah sendirian, kita akan bangun lewat, itu adalah pengaruh budaya. (322)


Cara yang paling mudah untuk membentuk pendirian adalah berada di sekeliling orang yang berpendirian. Ia lebih mudah dari melakukan sendiri semuanya secara bersendirian. Apabila kita bergaul dengan orang yang berpendirian dalam tempoh masa yang panjang, budaya ini boleh menjadi tabiat diri kita seterusnya membentuk identiti. (323) Identiti ini akan mempengaruhi cara kita membuat keputusan. Kebiasaannya orang membuat keputusan dengan menilai kos dan faedah, jika kos tinggi faedah sedikit, biasanya ia tidak dipilih. Namun dengan identiti, cara kita membuat keputusan berbeza, kita mungkin akan menyukai sesuatu perkara yang sukar dan mencabar, bukan kerana kos, tapi identiti. (324)

Adakah Grit Adalah Segala-galanya?

Tentulah tidak. Ada pelbagai benda lain yang lebih penting dari pendirian. Contohnya jika kita perlu memilih antara pendirian dan kebaikan, tentulah kita harus memilih yang baik meskipun bertentangan dengan pendirian asal kita. Menurut Angela, dari hasil kajian didapati karakter utama yang sering digunakan dalam menilai orang lain adalah moraliti, bukan Grit. (359) Sebagai contoh, kita pasti tidak kisah jika jiran kita adalah orang yang pemalas, tetapi kita mungkin terganggu jika jiran kita tidak bermoral.

Selain itu, ada kalanya kita mempunyai Grit tetapi tidak mendapat peluang. Ini juga perlu dilihat. Kita semua mempunyai limitasi, bukan sekadar limitasi bakat dan kebolehan, tetapi juga limitasi dari segi peluang yang ada buat kita. Hal ini tentu sahaja penting, kita perlu memberikan peluang kepada semua orang untuk berjaya. (361) Untuk berjaya juga banyak faktor-faktor lain yang mempengaruhi, termasuklah kecerdasan emosi, bakat fizikal, kepintaran, ketekunan, kawalan impuls, imaginasi, kreativiti, dan bermacam-macam lagi. Namun bagi Angela, Grit adalah yang paling siknifikan, yang mengekalkan seseorang dalam perjalanan panjang menuju kejayaan. (384)

Rujukan



Buku yang dirujuk dalam kertas penulisan ini adalah tulisan Angela Duckworth yang bertajuk *GRIT* terbitan PTS Publishing House pada tahun 2022 dengan jumlah mukasurat sebanyak 389 mukasurat. Nombor dalam kurungan dalam kertas penulisan ini merupakan nombor mukasurat yang dirujuk. Ia dimasukkan bagi memudahkan proses semakan semula atas apa yang telah dinukilkan. Buku ini mula dibaca pada tanggal 09 November 2021 dan tamat pada 19 Disember 2021.

